

Tatabahasa

Susun perkataan dan rangkai kata di bawah ini untuk membina ayat tunggal pelbagai jenis ayat dengan betulnya. SP 5.5.1



1 Ayat Penyata

nyanyian	menyertai	di sekolahnya	lagu
Fiya	patriotik	pertandingan	

2 Ayat Tanya

akan	bilakah	ini
nyanyian	pertandingan	
lagu	dimulakan	patriotik

3 Ayat Seruan

kamu	menyampaikan	syabas	baiknya
berjaya	"Tanah Pusaka"	lagu	dengan

4 Ayat Perintah

gambar	saya	bersama-sama	ambilkan
trofi	kemenangan	ini	tolong

Nota Tatabahasa

Ayat Tunggal

- Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat.

Contoh ayat tunggal:

Subjek	Predikat
Kelab Bahasa Melayu	menganjurkan Kem Jati Diri.
Kem Jati Diri itu	diadakan di Kem Perdana.

Jenis-jenis Ayat

Ayat Penyata

- Ayat yang digunakan untuk membuat sesuatu kenyataan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal.

- Contoh: Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara Malaysia.

Ayat Tanya

- Ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal.

- Contoh: Apakah manfaat Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) kepada murid?

Ayat Perintah

- Ayat yang digunakan untuk menyuruh, meminta sesuatu, memerintah atau melarang seseorang daripada melakukan sesuatu.

- Contoh: Sila patuhi arahan pihak penganjur Kem Jati Diri.

Ayat Seruan

- Ayat yang digunakan untuk melahirkan perasaan gembira, hairan, marah, sakit, sedih, takut, dan terkejut.

- Contoh: Wah, tenangnya suasana di kem ini!